



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38 (b)

Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian / Jabatan di mana kekosongan jawatan diiklankan sahaja.

**PEGAWAI PENDIDIKAN KANAN (PG.5)
JABATAN PENGURUSAN PENDIDIK
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat **di Kementerian Pendidikan**.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.



**PEGAWAI PENDIDIKAN KANAN
JABATAN PENGURUSAN PENDIDIK
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
PG.5 (\$5,400 SEBULAN EB KHAS \$5,610 - \$5,710 SEBULAN)
KEKOSONGAN = DUA (02)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) i) Ijazah Sarjana (*Master By Coursework Or Research*) atau sebanding dalam bidang umum.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.
 - ii) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan sebagai tenaga pengajar sepenuh masa dalam tangga gaji PG.4 atau sebanding tidak kurang 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

Mempuyai kelulusan / kelayakan tambahan berikut adalah kelebihan.
 - Ijazah Falsafah Kedoktoran (Ph.D) dalam bidang sama atau berkaitan;
 - Ijazah Sarjana dalam bidang Pendidikan.
- ATAU**
- b) Ijazah Sarjana Muda Kelas Pertama dalam bidang umum dan telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan sebagai tenaga pengajar sepenuh masa dalam tangga gaji PG.4 atau sebanding tidak kurang 7 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
 2. Bagi tenaga pengajar dalam bidang teknikal dan vokasional, mempunyai kelulusan / kelayakan profesional tambahan seperti *licensed aircraft engineer* atau *marine engineer* atau *chartered accountant* atau kelulusan yang lebih tinggi dalam bidang berkenaan adalah kelebihan.
 3. Telah mengikuti mana-mana Program Kepimpinan Pendidikan atau Perkembangan Eksekutif atau Kemajuan Profesional atau program sebanding.
 4. Hendaklah terlebih dahulu menyediakan satu (01) kertas kerja formal yang tulen yang memuaskan pihak panel penilaian di bawah topik-topik yang tergolong dalam bidang-bidang seperti berikut;



- i. Pembaharuan Bidang Pendidikan;
 - ii. Dasar Pendidikan;
 - iii. Pengajaran dan Pembelajaran Mata Pelajaran yang Menjadi Pengkhususan;
 - iv. Penyelidikan Pendidikan.
5. Mempunyai Laporan Pernilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

- 1. Menjadi Pegawai rujuk kepada pihak-pihak tertentu khusus mengenai mata pelajaran yang menjadi pengkhususan Pegawai berkenaan seperti jawatankuasa Mata Pelajaran Sekolah atau Kementerian Pendidikan, Ketua Jabatan Sekolah, rakan sekerja lebih-lebih lagi guru-guru baru dan pihak-pihak dari sekolah-sekolah lain;
- 2. Membantu dan membimbing tenaga pengajar melalui kepakarannya dalam bidang pengkhususannya dan pedagogi bagi memperkesan mutu pengajaran dan pembelajaran secara memberi kursus-kursus *in-house* / mentoring / perkhidmatan konsultasi pendidikan di peringkat sekolah/maktab/institusi/pusat pendidikan dan kluster;
- 3. Menerajui inovasi dan penambahbaikan perkembangan sumber serta bahan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dan berkualiti tinggi serta mengongsikannya kepada tenaga pengajar melalui bengkel / simposium / seminar / perkhidmatan lawatan konsultasi pendidikan;
- 4. Menyumbang kepada kemajuan pendidikan lebih-lebih lagi dalam bidang mata pelajaran pengkhususan, melalui penulisan kertas kerja ilmiah bagi seminar dan forum-forum pendidikan lain;
- 5. Merancang, melaksanakan dan menerajui penyelidikan yang memfokuskan kepada pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti diperangkat kebangsaan;
- 6. Diharapkan dapat memperkesan ilmu dan pengalamannya untuk menyumbang kepada kemajuan kaedah pengajaran dan pembelajaran, penghasilan sumber dan bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran serta pengurusan dan penggunaan sumber dan bahan-bahan tersebut;
- 7. Memainkan peranan dalam usaha-usaha Kementerian Pendidikan dalam bidang dasar, kurikulum termasuk penulisan buku-buku teks dan pentadbiran sekolah bagi kecemerlangan; dan



8. Memantau sekolah-sekolah lain yang memerlukan perkhidmatannya khusus dalam bidang mata pelajarannya dari segi pengajaran, bimbingan mengenai kaedah pengajaran dan pembelajaran dan konsultasi pendidikan berkaitan.